



PERCUBAAN DAN PENSUBAHATAN

Jika seseorang lelaki berkahwin lagi di mana-mana jua pun semasa perkahwinannya yang sedia ada masih wujud tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada mahkamah maka dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.



SEKSYEN 134

Mana-mana orang yang cuba melakukan, atau bersubahat melakukan, mana-mana kesalahan di bawah enakmen ini melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman yang sama seperti yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

CONTOH :-


1. Lelaki yang masih mempunyai isteri ketika bernikah dengan pasangan yang baru.
2. Lelaki yang bercerai secara *talaq rajie* tetapi masih dalam tempoh rujuk.

CONTOH :-

1. Menjadi saksi pernikahan NTI yang dijalankan samada di dalam atau di luar negara.
2. Pasangan yang bukan warganegara yang bernikah di negara selain dari negara asalnya.

KESALAHAN - KESALAHAN BERHUBUNG DENGAN AKAD NIKAH PERKAHWINAN

Mulakan Perkahwinan Dengan Kejujuran



Enakmen ini terpakai bagi semua orang Islam yang tinggal di dalam Negeri Sembilan dan bagi semua orang Islam yang bermastautin tetapi tinggal di luar Negeri Sembilan.

AKUAN ATAU PERNVALAAN PALSU UNTUK MEMBOLEHKAN PERKAHWINAN

Mana-mana orang, bagi maksud membolehkan mana-mana perkahwinan dilakukan di bawah enakmen ini, sengaja membuat apa-apa ijarat atau pernyataan yang palsu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitikan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

CONTOH:-

1. Seorang lelaki mempunyai 2 orang isteri iaitu A & B. Beliau kemudian telah bercerai dengan B. Ketika membuat permohonan untuk bernikah dengan C beliau telah membuat akuan atau pernyataan berstatus duda dengan mengemukakan sijil cerai bersama B bagi membolehkan beliau bernikah dengan C tanpa perlu memohon kebenaran berpoligami dari mahkamah.



SEKSYEN 19 KEBENARAN PERLU SEBELUM AKAD NIKAH

Tiada sesuatu perkahwinan boleh diakadnkahkan melainkan jika suatu kebenaran berkahwin telah diberikan :

- (A) Oleh Pendaftr di bawah seksyen 17 atau oleh Hakim Syarie di bawah seksyen 18, jika perkahwinan itu melibatkan seorang perempuan yang bermastautin di dalam Negeri Sembilan; atau

(B) Oleh pihak berkuasa yang hak bagi sesuatu Negeri, jika perkahwinan itu melibatkan seorang perempuan yang bermastautin di Negeri itu.

SEKSYEN 38

Mana-mana orang, bagi maksud membolehkan mana-mana perkahwinan dilakukan di bawah enakmen ini, sengaja membuat apa-apa ijarat atau pernyataan yang palsu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitikan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(b)

Di hadapan kurang daripada dua orang saksi yang boleh dipercayai di samping orang yang mengakadnikahkan perkahwinan itu,

Melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitikan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

CONTOH :

1. Bapa / wali yang mengakad nikahkan pernikahan NTI di dalam atau di luar negeri.
2. Bapa / wali yang mewakilkan kepada jururukuh untuk pernikahan NTI.



NIKAH TANPA KEBENARAN / NIKAH TANPA IZIN (NTI)

SEKSYEN 40 (1)

Mana-mana orang yang dengan diketahuinya mengakadnikahkan atau berbuat sesuatu yang berupa mengakadnikahkan atau menjalankan upacara sesuatu perkahwinan :~

- (a) Tanpa ada kebenaran berkahwin sebagaiimana yang dikehendaki oleh seksyen 19; atau

- (b) Di hadapan kurang daripada dua orang saksi yang boleh dipercayai di samping orang yang mengakadnikahkan perkahwinan itu,

Melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitikan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

CONTOH:-

1. Pasangan yang bernikah didalam atau di luar negara tanpa membuat permohonan untuk bernikah dari mana - mana pejabat agama Islam di dalam Negeri Sembilan.

SEKSYEN 40 (2)

Mana-mana orang yang berkahwin atau berbuat sesuatu yang berupa berkahwin atau yang menjalani sesuatu cara berkahwin dengan mana-mana orang berlawanan dengan mana-mana peruntukan Bahagian II melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitikan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya